

BAB 3

KONSEP KEWARTAWANAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

3.1 PENGERTIAN KEWARTAWANAN

Penafsiran yang berbeza telah banyak diberi kepada istilah ‘Kewartawanan’. Menurut Encyclopedia Americana (Jilid 16:1970) Journalism berasal daripada perkataan Perancis ‘Journee’ yang bermaksud ‘Hari Bekerja’ dan perkataan Latin di *Urnalis* yang bermaksud ‘tugas atau sesuatu yang berlaku setiap hari’.

Ensiklopedia itu mengistilahkan *Journalism* sebagai kegiatan pengumpulan dan penerbitan berita daripada peristiwa semasa, atau sesuatu usaha mengurus, menyunting atau menulis sesebuah jurnal atau akhbar. Encyclopedia Britannica (Jilid 11:1977) pula tidak membataskan tugas kewartawanan kepada kerja menulis dan mengarang untuk akhbar sahaja. Kewartawanan, menurut ensiklopedia itu, harus termasuk kerja yang bercorak intelektual yang dilakukan untuk menjayakan penerbitan sesebuah akhbar.

T.S. Iskandar dalam Kamus Dewan mengistilahkan kewartawanan sebagai “segala kegiatan yang berkaitan dengan hal penerbitan dan penulisan suratkhabar dan majalah”.

Kewartawanan di negara ini pula merupakan kegiatan mengumpul, menulis, melapor dan menyunting bahan mengenai sesuatu peristiwa yang telah,

sedang dan akan berlaku (Mohd Salleh Kasim:1984). Pada dasarnya, tugas wartawan ini terbahagi kepada dua kumpulan yang besar. Yang pertama mengumpul, mencari dan menghimpun maklumat, dan keduanya menulis, menyunting dan menyiapkan halaman akhbar untuk tatapan pembaca. Golongan pertama boleh dianggap sebagai pemberita sementara, golongan kedua pula ialah sidang pengarang.

Sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi, bidang kewartawanan bukan sahaja meliputi media cetak, malah merangkumi media elektronik radio dan televisyen. Bagi tujuan itu, Radio Televisyen Malaysia (RTM) mempunyai Bahagian Berita yang khusus bertujuan melaporkan berita untuk disiarkan di media radio dan televisyen Malaysia sebagai sebuah negara membangun, tidak dapat lari daripada memenuhi kehendak perkembangan sains dan teknologi ini (Asiah Sarji:1998). Kepesatan di bidang kebendaan dan kerohanian memerlukan tenaga yang terlatih dan berkelayakan di bidang kewartawanan (Rahmah dan Fuziah:1996). Kepesatan ini begitu ketara dirasakan di negara ini berdasarkan banyaknya jumlah akhbar dikeluarkan serta peningkatan edarannya yang begitu pesat.

Akhbar, pada keseluruhannya telah memainkan peranannya dalam usaha mengisi makna kemerdekaan dan seterusnya membantu mereka dalam usaha pembangunan. Kegiatan ini dijalankan sejajar dengan fungsi komunikasi yang umumnya bertujuan menyampaikan maklumat, mendidik serta menghibur.

Sejajar dengan pembangunan ini, tenaga manusia bagi mengisi bidang kewartawanan ini terpaksa juga ditingkatkan. Bidang kewartawanan perlu berubah, terutama dari segi pengelolaan teknologinya (Rahmah Hashim dan Fauziah Kartini Hasan Basri: 1996), (1987). Dalam bidang percetakan, misalnya, sejak tiga abad kebelakangan ini, bidang kewartawanan telah diperluaskan dengan penggunaan ofset dan percetakan berwarna, salinfo, teletypeset, komunikasi satelit dan internet, pita video, mikrofotografi dan sistem memproses maklumat melalui komputer.

A.Samad Said (temubual, 20 Oktober, 2000) menyebut kepesatan bidang teknologi memerlukan wartawan yang mempunyai latar belakang ilmu pengetahuan yang tinggi. Ini akan membolehkan mereka mentafsir dan mengintepretasikan sesuatu peristiwa secara saintifik dan tepat. Wartawan dewasa ini, bukan sahaja membuat berita biasa, malah wajar berupaya dan berkemampuan membuat penafsiran yang terperinci dari berbagai sudut mengenai sesuatu isu. Wartawan yang mahu berjaya, perlu menyedari hakikat ini sekiranya mereka mahu berkembang sejajar dengan perkembangan teknologi moden.

Ada pendapat menyatakan tidak ada jalan singkat untuk menjadi wartawan yang baik melainkan melalui pengalaman yang ditimba daripada pertubuhan akhbar. Namun, mereka yang berkelayakan dan dilatih dalam bidang kewartawanan di institusi pengajian tinggi lebih cepat menjadi wartawan berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai asas. Walau bagaimanapun, mereka perlu mempunyai bakat dan kecenderungan di samping kesungguhan.

(Rahmah Hahim dan Fuziah Kartini:1996, dan Asiah Sarji, 1998).

Setelah mengetahui konsep kewartawanan, kita perlu pula mengetahui siapakah yang boleh digolongkan sebagai wartawan. Dalam hubungan ini, timbul persoalan tentang siapa yang berhak dipanggil wartawan. Kamus Dewan mengistilahkan wartawan sebagai “orang” yang menulis rencana (berita) untuk akhbar dan majalah.

Ghazali Ismail (1987) berpendapat bahawa wartawan merupakan golongan “Manusia yang mata pencarinya dengan menulis dan mengarang berita atau rencana untuk sebuah akhbar, majalah atau penerbitan lain.”

M.L. Stein (1981) pula mensifatkan tugas wartawan untuk memberitahu orang ramai tentang apa yang sedang berlaku di dunia adalah suatu pekerjaan yang terpenting dalam sebuah negara demokrasi.

Wartawan merangkumi para pemberita, penulis, penyunting, pengarang, penulis ruang (kolumnis) yang bertugas di akhbar, radio dan televisyen dan majalah menulis tentang hal ehwal semasa.

Wartawan boleh dianggap sebagai penulis hal ehwal semasa. Berbanding dengan penulis fiksyen, wartawan menulis berita berdasarkan fakta yang benar untuk para pembaca. Mereka membuat liputan berita dan kadangkala mentafsirkan perkara yang berlaku, telah berlaku dan akan berlaku. Wartawan boleh diibaratkan sebagai seorang yang berkomunikasi berdasarkan kepada pergerakan peristiwa yang berlaku di sekelilingnya.

Bukan setiap individu boleh menjadi wartawan yang baik. Ini tidak bermakna wartawan boleh dilahirkan secara semulajadi. Untuk menjadi wartawan yang baik dan berjaya, perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah dia wajar mempunyai kegigihan dan semangat dedikasi yang tulen dan jitu. Kelayakan utama bagi seseorang wartawan, di samping bakat, berupaya dan mampu menulis ialah sifat ingin tahu yang mendalam, berkebolehan bertugas di mana sahaja ketika diarahkan, dan sanggup meninggalkan keluarga semata-mata untuk kepentingan pekerjaan (Rahmah dan Fuziah:1996).

3.2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WARTAWAN

Mengikut Mohd Salleh Kassim (1984), wartawan memainkan peranan memastikan pertubuhan akhbar tempat mereka bertugas menjalankan peranannya memenuhi fungsi berikut:

- a) memaklum dan memberi maklumat
- b) mendidik secara tidak formal
- c) memberi hiburan
- d) menilai dan menganalisa peristiwa serta perkembangan di dalam masyarakat berdasarkan pandangan, tanggapan dan fahaman ahli masyarakat.

Tugas memaklum dan memberi maklumat meliputi usaha memberi penerangan, menganalisis sesuatu kejadian, dan memberi gambaran yang tepat dan jelas terhadap sesuatu perkara. Wartawan berperanan mendidik dan berusaha

mengubah sikap masyarakat serta nilai negatif ke arah nilai yang lebih baik sejajar dengan falsafah Rukun Negara. Peranan memberi hiburan pula melibatkan aspek rekreasi dan kepuasan hati dengan tujuan menarik minat pembaca menghayati apa yang dibacanya (Faridah Ibrahim dan Rahmah Hashim:1996).

Wartawan juga berperanan mengubah corak dan nilai seni budaya. Proses memberi penilaian merangkumi aspek memberi pandangan, tanggapan dan kefahaman di atas sesuatu kejadian serta perkembangan yang terdapat dalam bidang sosial, ekonomi, politik dan agama.

Dalam usaha mencapai setiap fungsi ini, peranan yang dijalankan tertakluk kepada kawalan kerajaan dan taraf kebebasan akhbar yang diberikan. Oleh kerana itu, peranan yang dimainkan oleh akhbar dan wartawan tidak boleh bercanggah dengan keperluan dan kehendak negara (Habibah Zon:1998). Perkara yang melibatkan isu sensitif yang boleh memecahbelahkan perpaduan kaum, dan dianggap bertentangan dengan dasar kerajaan perlu dielakkan. Matlamat utama yang wajar dimainkan oleh para wartawan ialah mengisi makna kemerdekaan dan menjamin keutuhannya.

Wartawan bertugas mengumpul, merumus, dan “mengadun” pelbagai perasaan dan pendapat yang lahir dalam satu-satu masyarakat untuk membina satu fikiran umum yang sihat, bertanggungjawab dan nyata. Tanggungjawab itu dilaksanakan melalui tulisan-tulisannya yang berbentuk berita atau rencana, yang dijadikan oleh masyarakat sebagai bahan bacaannya setiap hari (Faridah Ibrahim:1990).

3.3 CIRI-CIRI WARTAWAN

Betapa besarnya pengaruh akhbar terhadap masyarakat, adalah satu kenyataan yang tidak boleh ditolak oleh sesiapa pun. Maka sebab inilah golongan wartawan sentiasa disanjung tinggi oleh segala peringkat masyarakat (Mohd Salleh Kasim:1984). Sifat-sifat wartawan secara umumnya dapat digariskan seperti dibawah ini:

- a) Jujur

Jujur dalam membuat berita. Jangan menokok atau menambah. Laporkan apa yang berlaku. Dalam hubungan ini, seorang wartawan yang tulen harus terlepas daripada segala parti politik. Hanya wartawan yang tidak menyertai sebarang parti politik sahaja dapat menulis berita dengan jujur dan tidak berat sebelah.

- b) Kuat bekerja

Sanggup mengorbankan sepenuh waktu untuk akhbar yang dia berkhidmat. Tidak mengira penat dan lelah, malam atau siang. Sanggup bekerja dengan sepenuh kesanggupan demi kepentingan akhbarnya.

- c) Cerdas

Harus cerdas. Cepat ‘mencium’ berita. Selalu menggunakan daya inisiatif mencari berita dan sebagainya. Sanggup membuat pertimbangan sendiri terhadap nilai sesuatu berita.

d) Ramah

Mesti ramah. Mendekatkan diri kepada masyarakat, istimewa kepada pihak-pihak yang selalu dapat dijadikan sumber berita yang baik (Mohd Salleh Kasim:1984).

3.4 CIRI-CIRI WARTAWAN MUSLIM

Dalam rangka melengkapkan diri dengan ciri-ciri yang diperlukan oleh Islam, wartawan Muslim hendaklah berpandukan kepada beberapa ilmu seperti ilmu komunikasi, ilmu kewartawanan, penulisan yang berkesan, bahasa, teknik penyiaran berita dan lain-lain yang berkaitan dalam ruang lingkup kewartawanan terutamanya ilmu agama Islam yang mendalam (Norbaya Normi, Habibul Izzah Ahmad dan Razali Sulaiman, 1997).

Ini mengelakkan mereka membuat penilaian yang terburu-buru terhadap fenomena-fenomena yang berkaitan dengan akidah Islam. Seorang wartawan yang jahil dan memiliki pengetahuan agama yang cetek tidak seharusnya menulis tentang hukum, akidah, dan tatacara Islam.

Oleh itu, wartawan Islam harus memperlengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keagamaan yang selengkapnya sebelum menulis mengenai Islam. Ini kerana setiap kekeliruan yang diwujudkan akan membawa kesan yang besar kepada seluruh umat Islam amnya. Dengan itu, wajar bagi mereka memahami beberapa pelajaran khusus dan sesuai mengenai al-Quran, tafsir dan ulum al-Quran, al-Hadis dan ilmu-ilmunya serta mampu membuat perbandingan agama seperti

agama Yahudi dan Nasrani. Wartawan Islam turut perlu mampu membezakan antara tuntutan agama dan kekalutan isme-isme dan ideologi yang tumbuh kini seperti Sekularisme, Zionisme, Komunisme, Existensialisme, Pragmatisme dan yang seumpamanya.

Di samping itu, wartawan Muslim perlu mempelajari metod dan teknik berdakwah yang berkesan. Mahir dan arif dengan sirah Rasulullah s.a.w. yang bakal menjadi bekalan dan panduan kehidupan mereka. Dengan itu, maka akan lahirlah seorang wartawan Islam yang kukuh tasawwur dan akidahnya, dapat melaksanakan tanpa melanggar batas-batas syarit dan hukum-hukum Fiqh yang terkandung dalam Islam, membentuk sebuah akhlak Islam yang syumul yang dapat menjamin keharmonian hidup masyarakat yang cuba dididiknya.

Sebagai seorang yang berperanan membentuk pemikiran orang lain, wartawan Islam juga harus memiliki ciri-ciri yang khusus. Sehubungan itu, Norbaya Normi, Habibul Izzah Ahmad, dan Razali Sulaiman, (1997:53) menggariskan lima ciri-ciri khusus yang patut wujud dalam diri penulis Muslim, seperti berikut:

- a) Sifat ikhlas dalam menjalankan tugas dan melakukan sesuatu dengan niat “kerana Allah s.w.t.” serta sedar tentang apa yang harus diperjuangkan demi menegakkan agama Islam;
- b) Jujur dalam melaksanakan tanggungjawabnya dan bertanggungjawab ke atas apa yang ditulisnya. Setiap fakta yang dikemukakan berlandaskan kebenaran;

- c) Sabar dalam menghadapi sebarang permasalahan. Mengkaji, menganalisis dan menyelidik terlebih dahulu sebelum membuat suatu rumusan dan hukuman ke atas sesuatu perkara semasa menghasilkan tulisannya agar tidak membawa kesan yang negatif atau mengaibkan seseorang;
- d) Mengetahui isu-isu yang penting dan cuba menampilkannya di samping menghindari isu-isu sampingan yang lebih merugikan sekiranya diketengahkan;
- e) Berusaha untuk menyebarkan warisan Islam dalam setiap persoalan atau isu sehingga menjadi budaya berfikir bagi seluruh masyarakat Islam;

Wartawan yang baik adalah yang membuat keputusan berlandaskan akal budi dan akal rasa di samping al-Quran yang dijadikan rujukan nombor satu dalam mempengaruhi segala tata tindak dalam kehidupannya. Di samping itu, wartawan Islam perlu memiliki jiwa pendakwah yang akan mendorong dirinya untuk menulis perkara-perkara yang baik dan memberi kesan yang positif kepada pembacanya.

Mungkin karya yang dihasilkan oleh wartawan Islam tidak menarik berbanding wartawan bukan Islam, ini kerana setiap patah perkataan yang digunakan hendaklah diteliti dan diberi perhatian agar ia tidak membawa unsur-unsur negatif khususnya perkara-perkara yang akan mengaibkan orang lain. (Asiah:1998; Abd. Ghapa Harun:1988). Namun berita-berita keburukan,

kepincangan, dan penyelewengan turut mendapat tempat dalam dunia kewartawanan Islam.(Abdul Ghapa Harun 1998) Wartawan Islam sebagai pendakwah diseru agar membawa masyarakat ke arah kebaikan di samping menjalankan tugasnya dengan ikhlas dalam mencari keredhaan Allah s.w.t.

3.5 ETIKA KEWARTAWANAN MALAYSIA

Etika Kewartawanan Malaysia telah diisytiharkan pada 20 Mei 1989 oleh Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri A. Samad Ismail di Hotel Hilton, Kuala Lumpur (Utusan Malaysia, 1989:hlm.7(1)). Etika yang mengandungi lapan perkara itu, antara lain, bertujuan memelihara dan memupuk kebebasan akhbar serta meningkatkan mutu profesion kewartawanan di negara ini.

Etika Kewartawanan Malaysia menegaskan bahawa wartawan Malaysia adalah mendokong prinsip-prinsip Rukunegara dan cita-cita nasional yang terkandung di dalamnya, menyedari peranannya untuk memberi sumbangan kepada proses membina negara dan menyedari kewajipannya untuk memberi sepenuh sumbangan pada memupuk keharmonian antara kaum dan perpaduan nasional (A.Samad Said:1989).

Selain itu disebut juga bahawa wartawan mesti menyedari pentingnya masyarakat liberal,toleran,demokratik dan peranan tradisi kewartawanan bebes dan bertanggungjawab yang berkhidmat untuk rakyar, dengan melaporkan fakta-fakta yang benar tanpa rasa takut atau berat sebelah;menyedari bahawa kewartawanan yang amanah adalah suatu aset kepada negara.

Maka dengan ini, Etika Kewartawanan Malaysia mengariskan kenyataan berikut:

- a) Tugas utama wartawan adalah melaporkan kebenaran dan menghormati hak orang ramai untuk mendapat maklumat yang benar.
- b) Dalam melaksanakan tugas ini dia menghayati kebebasan memungut dan menyiarkan berita secara jujur serta berhak membuat ulasan dan kritik yang saksama;
- c) Wartawan hendaklah menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita, gambar filem dan dokumen;
- d) Sebarang maklumat tersiar yang didapati tidak benar dan tepat hendaklah diperbetulkan;
- e) Wartawan hendaklah menghormati kerahsiaan sumber berita;
- f) Wartawan hendaklah berbudi pekerti ketika menjalankan tugas dan mengelakkan diri daripada plagiarisme, fitnah dan hasutan tuduhan tidak berasas serta rasuah dalam apa bentuk sekalipun;
- g) Wartawan hendaklah menghindarkan siaran berita atau rencana yang bersifat perkauman, melampau dan bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia;
- h) Wartawan hendaklah memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesion mereka.

3.6 ETIKA PENULISAN DAN KEWARTAWANAN MUSLIM

Bidang penulisan dan kewartawanan mempunyai etikanya yang tersendiri. Etika kewartawanan dan penulisan Islam hendaklah difahami dengan baik agar apa yang dihasilkan oleh penulis Muslim tidak bertentangan dengan akhlak dan ajaran Islam itu sendiri. Menurut hemat Norbaya Norini, Habibul Izzah Ahmad dan Razali Sulaiman (1997:56) terdapat beberapa etika penulisan dan kewartawanan Islam yang perlu diberi perhatian iaitu:

- a) Penulis dan wartawan Muslim hendaklah menyedari tanggungjawab penulisan dan amanah ilmiah yang dituntut oleh Islam.
- b) Dalam menulis fakta, andaian, berita dan sebagainya, penulis hendaklah sedar terhadap tanggungjawab pengawasan Allah s.w.t. yang sentiasa berterusan. Penulis juga mesti menghormati hak orang ramai untuk mendapat maklumat yang benar;
- c) Penulis dan wartawan Muslim hendaklah menulis untuk mencari keredhaan Allah s.w.t. dan menegakkan kebenaran, keadilan, dan keluhuran;
- d) Penulis dan wartawan Muslim hendaklah merujuk nilai-nilai ajaran Islam yang pokok, kerangka berfikir Islam, selain dari sumber-sumber maklumat yang sah, tepat dan meyakinkan;
- e) Penulis dan wartawan Muslim hendaklah mengolah bahan menurut perspektif Islam, melapor dan menyiaran berita dan maklumat dengan benar, jelas, bijaksana dan adil;

- f) Penulis dan wartawan Islam hendaklah segera membetulkan kesilapan dalam penulisan, laporan, dan siarannya, di samping segera meminta maaf kepada pihak yang berkenaan;
- g) Penulis dan wartawan Islam hendaklah melaksanakan *Amran bi al-ma'ruf-wa' al-nahyu 'an al-munkar* dalam profesionnya;
- h) Penulis dan wartawan Muslim hendaklah memperjuangkan keadilan, membasmi kezaliman, dan menegakkan cita-cita dan wawasan Islam dalam segenap aspek hidup masyarakat melalui amalan peribadi dan bidang penulisan khususnya;
- i) Penulis dan wartawan Islam hendaklah menghormati maruah dan hak asasi manusia, walau apapun agama mereka. Mereka tidak boleh mencemarkan wawasan peribadi dan institusi tanpa hak yang diperuntukkan oleh syarak;
- j) Penulis dan wartawan Muslim hendaklah menghindarkan diri dari menyiarakan berita, rencana, dan gambar lucu yang mendorong individu dan masyarakat melakukan maksiat, mencabar kewibawaan ulama dan alim ulama;
- k) Penulis dan wartawan Muslim sewajarnya mengamalkan segala nilai akhlak Islam dan memastikan *traits* sebagai seorang Muslim dan mukmin menjadikan dirinya yang kekal. Ia hendaklah mengelakkan diri daripada plagiarisme, fitnah, hasutan yang tidak berasas serta segala bentuk rasuah;

- l) Penulis dan wartawan Muslim hendaklah mengenali undang-undang dan peraturan sekular dalam profesionnya dan dalam bidang-bidang kerjaya yang lain serta berusaha menyedarkan masyarakat tentang kelemahan peraturan tersebut dan perlunya ia dirombak dan disesuaikan dengan tuntutan Islam;
- m) Penulis dan wartawan Muslim hendaklah menghindarkan diri dari menjadi alat kepada golongan yang tidak menjadikan Islam sebagai dasar hidup dan dasar perjuangan mereka. Mereka hendaklah menjadi pendokong atau *Ansar* ajaran Allah s.w.t;
- n) Penulis dan wartawan Muslim hendaklah mengukuhkan tradisi penulisan dan institusi kewartawanan yang berteraskan aqidah, syariat dan akhlak Islam. Mereka hendaklah menganggap media ini sebagai medan jihad;
- o) Penulis dan wartawan Muslim hendaklah mengukuhkan tradisi penulisan dan institusi kewartawanan berteraskan aqidah, syariat, dan akhlak Islam. Mereka hendaklah menjadikan media ini sebagai medan jihad yang amat penting. Mereka seharusnya menjadi pahlawan dan pendekar yang cekap.